

SOALAN NO. 170

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

**Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan sama ada untuk mengkaji semula *Standard Operating
Procedure* yang dikenakan bagi bukan waris agar urusan kemasukan
warga tua ke rumah-rumah kebajikan di bawah kementerian dapat
dipermudahkan.

JAWAPAN: YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut.

Dalam hal ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan Rumah Seri Kenangan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif. Sehingga Jun 2017, terdapat sebanyak 9 buah Rumah Seri Kenangan (RSK) yang memberi penjagaan dan perlindungan kepada seramai 1,591 orang penghuni.

Tuan Yang Dipertua,

Antara syarat permohonan kemasukan ke RSK adalah berumur 60 tahun ke atas, daif, tiada pendapatan, mampu mengurus diri sendiri, tiada penyakit berjangkit, tiada sanak saudara atau penjaga dan permohonan hendaklah di buat atas kehendak sendiri secara sukarela. Pemohonan secara sukarela ke RSK ini tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Bagi Pengurusan Rumah Orang-Orang Tua 1983. Setiap permohonan kemasukan akan melalui siasatan awal bagi memastikan pertimbangan dapat dibuat kepada pemohon yang berkelayakan. KPWKM belum bercadang untuk mengkaji semula *Standard Operating Procedure* bagi permohonan secara sukarela ke RSK ini sama ada melalui rujukan waris, bukan waris, media atau pelbagai sumber lain.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, pada tahun 2008, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan penggunaan sistem e-JKM yang merupakan projek

pengkomputeran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Aplikasi komputer yang dibangunkan ini adalah untuk kegunaan pegawai dan kakitangan JKM bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan JKM yang mempunyai 29 modul utama dan salah satunya ialah Pengurusan Kemasukan Warga Emas ke Institusi. Dengan adanya sistem ini, permohonan sukarela kemasukan warga emas ke institusi dapat dipermudahkan dan keputusan permohonan dapat dibuat dengan lebih cepat.